



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TARIKH	7 MEI 2026 (KHAMIS)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	MALAYSIA TEKANKAN KESELAMATAN TENAGA, MAKANAN SERANTAU		
M/S	2 (NASIONAL)	KATA KUNCI	ASEAN SUMMIT, ENERGY,
BIDANG	MANAGEMENT	FOOD SECURITY, WEST ASIA CONFLICT	

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48

# Malaysia tekankan keselamatan tenaga, makanan serantau

Sidang turut jadi peluang negara kongsi pandangan pembinaan Komuniti ASEAN

Oleh  
Mas Zharif  
Zhafriz Aziz Desa

bhnews@bh.com.my

di Cebu,  
Filipina



Malaysia dijangka menekankan keperluan ASEAN memperkuatkan keselamatan tenaga dan makanan serantau susulan kesan krisis di Asia Barat yang turut memberi tempas kepada rantau Asia Tenggara.

Perkara itu antara tumpuan utama akan dibawa pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan di Cebu, Filipina, yang berlangsung dua hari bermula hari ini.

Duta Besar Malaysia ke Filipina, Datuk Abdul Malik Melvin Castelino Anthony, berkata perbincangan sidang kali ini turut memberi fokus kepada tindak balas ASEAN dalam memastikan keselamatan rakyat negara anggota yang berada di kawasan terjejas.

Katanya, sidang kemuncak itu menjadi peluang kepada Malaysia untuk berkongsi dan bertukar pandangan mengenai pembinaan Komuniti ASEAN serta hala tuju blok serantau berkenaan.

“Perbincangan juga akan memberi tumpuan kepada kesan krisis di Asia Barat terhadap rantau Asia Tenggara dan tindak balas ASEAN bagi memastikan keselamatan tenaga dan makanan serantau, selain keselamatan rakyat ASEAN di kawasan terjejas,” katanya pada taklimat bersama media Malaysia sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-48 di sini, semalam.

#### PM ketuai delegasi

Abdul Malik berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengetuai delegasi Malaysia ke sidang itu.

Perdana Menteri akan menghadiri Sidang Kemuncak Khas Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur-Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA), pada sebelah petang, sebelum menyertai Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 pada esoknya.

Anwar turut dijangka mengadakan pertemuan di luar sidang



Abdul Malik Melvin

bersama beberapa rakan sejawat ASEAN.

Mengulas lanjut, Abdul Malik berkata, Mesyuarat Bersama Menteri-Menteri Luar dan Ekonomi ASEAN yang dijadual berlangsung hari ini adalah kesinambungan proses dimulakan ketika Malaysia mempengerusikan ASEAN.

Katanya, pendekatan itu penting bagi memastikan penyelarasan antara tonggak politik-keselamatan dan ekonomi ASEAN, khususnya dalam menghadapi perkembangan serantau dan global yang semakin kompleks.

“Mesyuarat Bersama Menteri-Menteri Luar dan Ekonomi ASEAN adalah kesinambungan proses dimulakan di bawah Kepengerusian Malaysia bagi memastikan penyelarasan antara tonggak politik-keselamatan dan ekonomi.

“Pendekatan ini semakin relevan susulan perkembangan serantau dan global yang terus berubah,” katanya.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 turut didahului Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN, Mesyuarat Majlis Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN Ke-31 dan Mesyuarat Majlis Penyelarasan ASEAN Ke-38.